KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **24 DISEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 19

# Peniaga tidak patuh SHMMP dikenakan tindakan tegas

**Kuala Lumpur:** Inisiatif Kita Gempur yang dilancarkan sejak 19 Oktober lalu dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksim Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Sayuthi Bakar, berkata penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

"Menerusi langkah itu, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai semalam hingga 27 Disember dapat dilaksanakan," katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, semalam. BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 32

# 200 anggota KPDN pantau harga

**IPOH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menggerakkan seramai 197 penguat kuasa dan 74 pegawai pemantau harga sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Timbalan Pengarah KPDN Perak, Mohamad Kamarol Mat Nor berkata, pemeriksaan dan pemantauan akan dilaksanakan di lokasi strategik seperti pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah.

"Permintaan terhadap barangan tertentu dijangka meningkat menjelang perayaan ini. Pemantauan adalah sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan dalam pasaran sebelum, semasa dan selepas perayaan," katanya.

Sembilan jenis barangan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 di Perak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 35

# RM5 juta barangan kawalan, subsidi diselamatkan

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menyelamatkan pelbagai barangan kawalan dan subsidi daripada diseleweng ke Thailand bagi tempoh Januari hingga semalam.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, ia melibatkan barangan seperti petrol, diesel, minyak masak, gula dan tepung gandum menerusi 620 kes berkaitan cubaan menyeludup.

"Pada masa sama, kita turut menahan seramai 206 individu termasuk warganegara asing berusia antara 20 tahun hingga 60-an sepanjang tempoh tersebut

"Tahanan termasuk menerusi operasi di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas di sebuah pusat beli-belah, di sini semalam.

Azman memberitahu, kesemua kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata, sejak penguatkuasaan ketat pihak berkuasa di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan bermula 1 Disember lalu, kes-kes penyeludupan semakin berkurang.

Katanya, langkah tersebut sekali gus dapat mengekang kegiatan penyeludupan barangan kawalan ke negara jiran.

"Selain itu, kita merekodkan sebanyak 1,151 aduan berkait penyeludupan sepanjang tahun ini berbanding sebanyak 1,222 aduan tahun lalu.

"Sebanyak 1,025 tindakan atas pelbagai kesalahan melibatkan penyelewengan, penyeludupan, barang tiruan, menjual barangan kawalan melebihi harga maksimum dan tidak mempamerkan tanda harga sudah diambil sepanjang tahun ini," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 16

# Lebih 200 anggota KPDN Perak pantau harga sepanjang Krismas

**IPOH** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menggerakkan seramai 197 penguat kuasa dan 74 pegawai pemantau harga bagi sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Timbalan Pengarah KPDN Perak, Mohamad Kamarol Mat Nor berkata, pemeriksaan dan pemantauan akan dilaksanakan di lokasi strategik seperti pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah.



**MOHAMAD KAMAROL ketika lawatan SHMMP sempena Krismas di Pasar Raya Besar Mydin Meru Mara di Ipoh semalam.**

"Permintaan ke atas barangan tertentu dijangka meningkat menjelang perayaan ini. Pemantauan adalah sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan dalam pasaran sebelum, semasa dan selepas perayaan," katanya.

Sebanyak sembilan jenis barangan ditetapkan harga maksimum semasa pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 di Perak termasuk daging kambing biri-biri import bertulang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 16



**AZMAN (kanan) ketika melakukan pemantauan Program SHMMP Krismas di sebuah pusat beli-belah di Kota Bharu semalam.** – KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

Petrol, diesel dan minyak masak antara dirampas

# Barangan subsidi RM5j diselamatkan

**Oleh ROSLIZA MOHAMED**

**KOTA BHARU** – Barangan subsidi berjumlah RM5 juta diselamatkan daripada diseludup ke Thailand sejak Januari lalu sehingga semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, nilai rampasan itu melibatkan sebanyak 620 kes termasuk barangan seperti petrol, diesel, minyak masak, gula dan gandum.

Menurut beliau, selain rampasan, seramai 206 individu termasuk warga asing berusia 20 hingga 60-an ditahan sepanjang tempoh tersebut.

"Kesemua suspek ditahan termasuk menerusi operasi di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan.

"Kes-kes melibatkan penyeludupan barangan subsidi disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas di sebuah pusat beli-belah di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azman memberitahu, kes penyeludupan dilihat semakin berkurang sejak penguatkuasaan ketat oleh pihak berkuasa di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan bermula 1 Disember lalu.

Jelasnya, langkah tersebut sekali gus dapat mengekang kegiatan penyeludupan barangan kawalan ke negara jiran.

"Selain itu, kita merekodkan sebanyak 1,151 aduan berkaitan penyeludupan sepanjang tahun ini berbanding sebanyak 1,222 aduan pada tahun lalu.

"Sebanyak 1,025 tindakan atas pelbagai kesalahan melibatkan penyelewengan, penyeludupan, barang tiruan, menjual barangan kawalan melebihi harga maksimum dan tidak mempamerkan tanda harga sudah diambil sepanjang tahun ini," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

# 12 bulan rampasan RM6.8j

## *KPDN Kelantan rekod 1,025 kes dalam pelbagai kesalahan sejak Januari hingga kini*

**Kota Bharu**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merekodkan rampasan bernilai lebih RM6.8 juta membabitkan 1,025 kes dalam pelbagai kesalahan sejak Januari lalu sehingga kini.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, kesemua kes itu membabitkan kesalahan penyelewengan, penyeludupan, barangan tiruan dan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga kawalan serta tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dipamerkan untuk jualan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Katanya, bermula Januari sehingga kini, sebanyak 79,242 pemeriksaan dilaksanakan di seluruh negeri membabitkan pelbagai operasi dan pemantauan.

"Pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan di premis-premis membabitkan seramai 141 pegawai penguat kuasa dan 85 pegawai pemantau harga di seluruh negeri.




AZMAN memeriksa tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga kawalan selepas merasmikan SHMMP Krismas 2024 di sebuah pasar raya di Lembah Sireh, Kota Bharu, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

"Pada masa sama, pihak kami turut menahan 210 individu membabitkan seramai 189 lelaki dan 21 wanita termasuk 13 individu bukan warganegara yang ditangkap di kawasan sempadan iaitu di Pasir Mas, Rantau Panjang, Tumpat dan Tanah Merah dengan nilai denda RM150,000," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 di sebuah pasar raya di Lembah Sireh di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata, sejak penguatkuasaan larangan rentas sempadan menggunakan pangkalan haram dilaksanakan pada 1 Disember lalu, ia secara tidak langsung membantu mengekang aktiviti penyeludupan.

"Sepanjang larangan rentas dikuatkuasakan, ada beberapa individu ditahan disebabkan menggunakan pangkalan haram untuk menyeberangi sempadan di sepanjang Sungai Golok.

"Aktiviti penyeludupan masih berlaku, namun ia tidak serancak seperti sebelum ini dan kebetulan ketika dilaksanakan, Kelantan dilanda banjir menyebabkan berlaku limpahan air Sungai Golok," katanya.

> **"Pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan di premis-premis membabitkan seramai 141 pegawai penguat kuasa dan 85 pegawai pemantau harga di seluruh negeri"**
>
> *Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# KPDN Melaka terima 1,639 aduan kes

**Melaka:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka merekodkan 343 kes atas pelbagai kesalahan kepenggunaan membabitkan nilai rampasan RM775,815.15 dari 1 Januari hingga 20 Disember lalu.

Pengarahnya Norena Jaafar berkata, kes berkenaan dihasilkan daripada 1,639 aduan diterima dan 28,808 pemeriksaan dilakukan meliputi 13 kesalahan utama dengan 98 peratus sudah diselesaikan manakala bakinya dimasukkan ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Menurutnya, daripada 343 kes, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kekal tertinggi iaitu 164 kes berbanding 60 kes (Akta Perlindungan Pengguna 1999), 49 kes (Akta Kawalan Bekalan 1961), 45 kes Akta Timbang Sukat 1972 dan 13 kes (Akta Cap Dagang 2019).

"Walaupun terdapat sedikit penurunan berbanding tahun lalu, kita mengesan ramai peniaga melakukan kesalahan berulang di bawah AKHAP.



PENGUNJUNG membeli barangan harga kawalan sempena Pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 di sebuah pasar raya di Peringgit, Melaka.

"Jadi kita kena ambil tindakan lebih keras untuk menanganinya dan kompaun yang dikenakan sebanyak RM248,300," katanya selepas majlis pelancaran Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024, semalam.

Majlis itu disempurnakan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Allex Seah Choo Chin dan turut dihadiri timbalannya Tuminah Kadi@Mohd Hashim.

Sementara itu, Allex menasihati semua pasar raya dan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga dan mematuhi SHMMP termasuk meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan kawalan.

"Jika setiap peniaga atau pasar raya boleh bertimbang rasa dengan menetapkan harga yang berpatutan, ia memberi imej baik bahawa Melaka bukan saja mesra pelancong, malah harga sentiasa berpatutan," katanya.

Menerusi SHMMP Krismas 2024, KPDN Melaka menetapkan sembilan barangan kawalan iaitu daging kambing biri-biri bertulang import, kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing), lobak merah, tomato, cili merah, lada benggala hijau, bawang merah besar import, bawang kuning import dan ubi kentang import (China).

Skim itu berkuat kuasa selama lima hari dari 23 hingga 27 Disember ini dan orang ramai juga boleh menyemak harga maksimum ditetapkan melalui lawan web KPDN di www.kpdn.gov.my.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 8



SAYUTHI (kanan) melihat barangan yang ditetapkan pada harga siling ketika membuat pemantauan pada hari pertama pelaksanaan SHMMP di sebuah pasar raya, semalam.

## INISIATIF KITA GEMPUR

# Bantu kekang peniaga tidak patuhi SHMMP sempena Krismas

**Kuala Lumpur:** Inisiatif Kita Gempur yang dilancarkan 19 Oktober lalu dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Sayuthi Bakar berkata penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

Beliau berkata dengan langkah ini, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai semalam hingga 27 Disember dapat dilaksanakan.

"Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 26

# KPDN rampas barangan bersubsidi bernilai RM5 juta

**KOTA BHARU** - Pelbagai barangan kawalan bersubsidi bernilai RM5 juta yang cuba di seludup ke Thailand berjaya dirampas sepanjang Januari hingga Disember tahun ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, rampasan melibatkan 620 kes berkaitan penyeludupan petrol, diesel, minyak masak, gula dan gandum.

"Pada masa sama, sebanyak 210 tangkapan dilakukan membabitkan 197 warga tempatan dan 13 warga asing.

"Seramai 189 lelaki dan 21 wanita ditahan menerusi operasi di sempadan Kelantan-Thailand," katanya ketika sidang akhbar selepas Program Walkabout Skim Harga Murah Musim Perayaan Krismas 2024 dan Program Jualan Rahmah Madani di Pasar Raya Lotus di sini pada Isnin.

Menurutnya, semua kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan keseluruhan denda berjumlah RM150,000 dan kompaun bernilai RM136,000.

Dalam pada itu, Azman berkata, pihaknya merekodkan 1,151 aduan sepanjang tahun ini, berbanding 1,222 aduan bagi tempoh sama tahun lalu.

"Sebanyak 1,025 tindakan sudah diambil terhadap pelbagai kesalahan, antaranya penyelewengan, penyeludupan, barang tiruan dan menjual barangan kawalan melebihi harga maksimum serta tidak mempamerkan tanda harga," katanya.




**Azman (kanan) memeriksa tanda harga ketika Program Walkabout Skim Harga Murah Musim Perayaan Krismas 2024 dan Program Jualan Rahmah Madani di Kota Bharu.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 6

# 'Kita Gempur' can curb non-compliance of Christmas SHMMP by traders: KPDN

KUALA LUMPUR: The "Kita Gempur" initiative launched on Oct 19 can curb non-compliance by traders during the implementation of the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in conjunction with this Christmas celebration.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) secretary-general Datuk Seri Sayuthi Bakar said its success, however, depends on the public's cooperation in disseminating information.

He emphasised that public participation is crucial in collaborating with the government to combat trade manipulation and ensure compliance with laws and regulations by traders.

He said strict action will be taken against traders who do not comply with the implementation of the SHMMP which takes effect Monday until Dec 27.

Traders who fail to comply with price controls under the Christmas SHMMP can be prosecuted under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, he said, adding that traders are required to display pink labels for goods in the price control list.

He told reporters this after a SHMMP monitoring and enforcement session at a supermarket here Monday.

Individuals caught selling controlled price items above the maximum price may be fined by the court up to RM100,000, imprisoned for up to three years, or both, or compounded up to RM50,000.

Companies committing the same offence can be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000.

For the offence of failing to place a pink price tag on controlled price items, he said individuals can be fined by the court up to RM10,000 or compounded up to RM5,000.

Companies committing this offence can be fined up to RM20,000 or compounded up to RM10,000.

Last Friday, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said a total of 14 controlled items will be gazetted under the 2024 Christmas SHMMP starting Dec 23.

The items listed are essential goods for Christmas, including imported bone-in mutton; live old chickens (Sarawak only); round cabbages imported from Indonesia and China (excluding Beijing cabbage); carrots; and tomatoes.

Other controlled items include red chillies, green bell peppers, imported large red onions, large yellow onions, potatoes imported from China, chicken wings, live pigs (at the farm level only), pork belly, and pork meat and fat. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 2

# Kita Gempur bantu kekang peniaga tidak patuhi SHMMP Krismas

KUALA LUMPUR: Inisiatif Kita Gempur yang dilancarkan sejak 19 Okt lepas dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksim Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Sayuthi Bakar berkata, penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

Beliau berkata dengan langkah ini, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai Isnin hingga 27 Dis dapat dilaksanakan.

"Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, Isnin.

Beliau berkata bagi individu yang menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan harga terkawal pula, bagi individu, boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000, katanya.

Pada 20 Dis lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata SHMMP sempena perayaan Krismas melibatkan 14 jenis barangan di seluruh negara.

Beliau berkata barangan yang terlibat adalah barangan keperluan utama semasa Krismas, seperti kambing biri-biri bertulang import, ayam tua hidup (melibatkan Sarawak sahaja), serta daging babi bahagian perut dan daging babi bahagian daging dan lemak. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

## 未显示“粉红”标签乃常犯行为

# 至本月 20 日共记录 798 宗

（古晋 23 日讯）砂内贸局局长马修多米尼表示，未显示受管制物品的“粉红色”价格标签仍然是砂拉越商人最常见的违法行为。

据他介绍，该局执法人员已对今年从 1 月 1 日至 12 月 20 日记录的 798 起案件开出了总额为 36 万零 750 令吉的罚单。

他解释说，这些案件是在该期间检查了 7 万 6 千 853 处场所后发现的，同时还估计扣押了价值超过 2 千 270 万令吉的物品。

“大多数案件涉及未显示粉红色标签和管制物品的标签不当。”

马修多米尼今天为 2024 年圣诞节价格统治计划后的新闻发布会上，如是披露。

有关活动在石隆门新尧湾的李爸爸超市举行，出席的嘉宾为瑟冷布区州议员米罗。

马修表示，以高于最高价格出售管制价格物品的个人可能会面对最高 10 万令吉的罚款或最高三年的监禁，或两者兼施。

至于犯下相同罪行的公司则将面对更高罚金的惩罚。

对于未在管制价格物品上贴上粉色价格标签的罪行，他说个人可能会面对最高 1 万令吉的罚款，而公司方面则可被处以最高 2 万令吉的罚款。

而他也呼吁公众可充当该局的眼线，一旦发现这些违规案例，可以通过 WhatsApp 019-848 8000、呼叫中心 1-800-886-800、电子邮件 e-aduan@kpdn.gov.my 或通过 Ez ADU KPDN 移动应用程序提交投诉。




UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 3

## 圣诞节12月23至27日13种统制品开跑

# 闽执法员与纳闽机构森苏丁超市巡查

（本报纳闽23日讯）国内贸易和生活成本部（KPDN）宣布启动2024年圣诞节期间的佳节价格统制计划（SHMMP）。

此计划为期5天，包括节前2天、节庆当天以及节后2天，具体时间为2024年12月23日至27日。国内贸易和生活成本部执法团队与纳闽机构副主席森苏丁昨日在纳闽一家超级市场进行巡查，

确保商家遵守2024年圣诞佳节价格统制计划的实施规定。

在纳闽联邦直辖区，共有13种受控商品被纳入该计划，包括：鸡翅膀；冻进口带骨羊肉；圆白菜（进口自印尼和中国，不包括北京白菜）；土豆（进口自中国）；胡萝卜；番茄；绿色甜椒；红辣椒；大红葱（进口）；大黄洋葱；活猪（农场控制）；猪肉（五花肉）；猪肉（瘦肉和肥肉）。



森苏丁，阿米鲁丁与官员们在超级市场进行视察



森苏丁揭幕佳节价格统制计划，并与阿米鲁丁与官员们展示佳节价格统制计划书

2024佳节价格统制计划是根据《2011年价格控制及反暴利法》（第723条文）执行的。各阶段的最高限价（生产商、批发商和零售商）国内贸易和生活成本部执法人员将持续在公共市场和购物中心进行检查，确保商家遵守规定。一旦接到消费者关于违规行为的投诉，将立即采取执法行动。

根据《2011年价格控制及反暴利法》（第723号法案），违规者将面临以下处罚：

如发现任何违规行为，公众可通过以下方式举报：WhatsApp：019-848 8000；国内贸易和生活成本部电子投诉门户：http://eaduan.kpdn.gov.my；客服中心：1-800-886-800；电邮：e-aduan@kpdn.gov.my；智能手机应用程序 Ez ADU KPDN；纳闽分局执法指挥中心：087-423 209。（001）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# *Inisiatif Kita Gempur bantu kekang peniaga tidak patuhi SHMMP Krismas*

KUALA LUMPUR: Inisiatif Kita Gempur yang dilancarkan sejak 19 Okt lepas dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksim Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)Datuk Seri Sayuthi Bakar berkata penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

Beliau berkata dengan langkah ini, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai hari ini hingga 27 Dis dapat dilaksanakan.

"Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, hari ini.

Beliau berkata bagi individu yang menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan harga terkawal pula, bagi individu, boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000, katanya.

Pada 20 Dis lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata SHMMP sempena perayaan Krismas melibatkan 14 jenis barangan di seluruh negara.

Beliau berkata barangan yang terlibat adalah barangan keperluan utama semasa Krismas, seperti kambing biri-biri bertulang import, ayam tua hidup (melibatkan Sarawak sahaja), serta daging babi bahagian perut dan daging babi bahagian daging dan lemak.-BERNAMA.



**TINJAU .... Mohd Sayuthi Bakar (kiri) melihat barang-barangan yang ditetapkan pada harga siling ketika membuat pemantauan pada hari pertama pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Krismas 2024 di sebuah pasaraya di Bangsar, kelmarin.**

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 12

# 'Kita Gempur' can curb non-compliance of Christmas price scheme

**KUALA LUMPUR:** The "Kita Gempur" initiative launched on Oct 19 can curb non-compliance by traders during the implementation of the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in conjunction with this Christmas celebration.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) secretary-general Datuk Seri Sayuthi Bakar said its success, however, depends on the public's cooperation in disseminating information.

He emphasised that public participation is crucial in collaborating with the government to combat trade manipulation and ensure compliance with laws and regulations by traders.

He said strict action will be taken against traders who do not comply with the implementation of the SHMMP which takes effect today until Dec 27.

Traders who fail to comply with price controls under the Christmas SHMMP can be prosecuted under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, he said, adding that traders are required to display pink labels for goods in the price control list.

He told reporters this after a SHMMP monitoring and enforcement session at a supermarket here Monday.

Individuals caught selling controlled price items above the maximum price may be fined by the court up to RM100,000, imprisoned for up to three years, or both, or compounded up to RM50,000.

Companies committing the same offence can be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000.

For the offence of failing to place a pink price tag on controlled price items, he said individuals can be fined by the court up to RM10,000 or compounded up to RM5,000.

Companies committing this offence can be fined up to RM20,000 or compounded up to RM10,000.

Last Friday, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said a total of 14 controlled items will be gazetted under the 2024 Christmas SHMMP starting Dec 23. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7




(From left) Miro, Matthew, LePaPa Chain Supermarket Group general manager Bong Teck Pyng and KPDN officer Helena Ali seen at the launch of the SHMMP Christmas 2024 for Sarawak, in Serian.

theborneopost#digipapers.m

# KPDN: Non-display of 'pink' price tags most common offence

Samuel Aubrey

SARAWAK HAPPENINGS

**KUCHING:** Failure to display 'pink' price tags for controlled items remains the most common offence committed by traders in Sarawak, says Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sarawak director Matthew Dominic Barin.

According to him, the ministry's enforcement officers have issued compounds, amounting to RM360,750, for 798 cases recorded from Jan 1 to Dec 20 this year.

"These cases were detected following inspections on 76,853 premises during that period, which also recorded estimated seizure value of over RM22.7 million.

"Majority of the cases involved not displaying pink-coloured tags and also improper tagging of the controlled items," he said during a press conference held after the launch of SHMMP Christmas 2024 at LePaPa Supermarket in Siniawan Square off Kuching-Bau Road yesterday.

Serembu assemblyman Miro Simuh was present to officially declare open the event.

Moreover, Matthew said individuals selling controlled price items above the maximum price could be fined up to RM100,000, or imprisoned for up to three years, or both, or being issued compound up to RM50,000.

Companies committing the same offence could be fined up to RM500,000, or issued compound up to RM250,000.

For the offence of failing to place a pink price tag on controlled price items, Matthew said individuals could be fined up to RM10,000, or issued compound up to RM5,000.

Companies committing this offence could be fined up to RM20,000, or issued compound up to RM10,000.

"The public can channel their complaints by sending their reports to WhatsApp via 019-848 8000, by calling 1-800-886-800, via e-aduan@kpdn.gov.my, or via the Ez ADU KPDN mobile app," said Matthew.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1




(From left) Miro, Matthew, LePaPa Chain Supermarket Group general manager Bong Teck Pyng and KPDN officer Helena Ali seen at the launch of the SHMMP Christmas 2024 for Sarawak, in Serian.

# 'Non-display of pink price tags most common offence committed by traders in Sarawak'

Samuel Aubrey

**KUCHING:** Failure to display 'pink' price tags for controlled items remains the most common offence committed by traders in Sarawak, says Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sarawak director Matthew Dominic Barin.

According to him, the ministry's enforcement officers have issued compounds, amounting to RM360,750, for 798 cases recorded from Jan 1 to Dec 20 this year.

"These cases were detected following inspections on 76,853 premises during that period, which also recorded estimated seizure value of over RM22.7 million.

"Majority of the cases involved not displaying pink-coloured tags and also improper tagging of the controlled items," he said during a press conference held after the launch of SHMMP Christmas 2024 at LePaPa Supermarket in Siniawan Square off Kuching-Bau Road yesterday.

Serembu assemblyman Miro Simuh officiated at the event.

Moreover, Matthew said individuals selling controlled price items above the maximum price could be fined up to RM100,000, or imprisoned for up to three years, or both, or being issued compound up to RM50,000.

Companies committing the same offence could be fined up to RM500,000, or issued compound up to RM250,000.

For the offence of failing to place a pink price tag on controlled price items, Matthew said individuals could be fined up to RM10,000, or issued compound up to RM5,000.

Companies committing this offence could be fined up to RM20,000, or issued compound up to RM10,000.

"The public can channel their complaints by sending their reports to WhatsApp via 019-848 8000, by calling 1-800-886-800, via e-aduan@kpdn.gov.my, or via the Ez ADU KPDN mobile app," said Matthew.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 2






(From left) Matthew, Miro and representatives from LePapa seen at the press conference.

# Christmas price control scheme for Sarawak launched


Samuel Aubrey
samuelaubrey@theborneopost.com

**KUCHING:** The Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) for Christmas will be in force for five days, effective yesterday, said Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak director Matthew Dominic Barin.

According to him, the items gazetted under SHMMP Christmas 2024 include live old chickens (for Sarawak only) and live pigs (at the farm level only).

Additionally for Sarawak, Sabah and Labuan, the SHMMP also covers chicken wings, pork belly, and pork meat and fat, commonly known as 'three-layer pork'.

Other controlled items under the nationwide SHMMP include bone-in mutton; round cabbages imported from Indonesia and China (excluding Beijing cabbage); carrots; tomatoes; red chillies; green bell peppers; imported large red onions; large yellow onions and potatoes imported from China.

"The Christmas SHMMP 2024 will be enforced under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"The maximum prices set for the Christmas SHMMP 2024 at the wholesale and retail levels can be checked via KPDN's website www.kpdn.gov.my.

"KPDN is always cooperating with Ministry of Agriculture and Food Security to ensure that the supply of controlled items is sufficient throughout the implementation period of the SHMMP," he said during a press conference held after the launch of SHMMP Christmas 2024 at LePaPa Supermarket in Siniawan Square off Kuching-Bau Road yesterday.

Serembu assemblyman Miro Simuh was present to officially declare open the event.

Adding on, Matthew said the KPDN had deployed 214 enforcement officers and 97 price-monitoring officers in strategic locations from Kuching to Lawas to monitor compliance and also conduct inspections on the public markets, wet markets and supermarkets.

He pointed out that the monitoring, which would also follow up on consumers' complaints, aims to ensure that any non-compliance by traders would be addressed in accordance with the legal provisions.

"KPDN Sarawak will increase the omnipresence of law enforcement officers and price monitoring officers in locations frequented by consumers, so as to create a safe and ethical business and shopping environment," said Matthew, adding that ethical business practices would lead to a win-win situation between the traders and the consumers.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 2



# Stern action awaits those violating SHMMP, traders warned

**SIBU:** A notice under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 will be issued to traders who indiscriminately hike the prices of the gazetted items.

In stating this, Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sibu branch chief Kelyn Bolhassan @ Haliward added that stern action would be taken against anyone violating the rule.

"Upon conviction, an individual can be fined up to RM100,000, or sentenced to three years' jail, or both, or receive a compound of up to RM50,000.

"Companies, on the other hand, can be fined up to RM500,000 or imposed with a compound of up to RM250,000."

"For failure to display the pink price tags for the gazetted items, an individual can be fined up to RM10,000 or compounded of up to RM5,000 upon conviction; companies that commit this offence can be fined up to RM20,000 or receive a compound of up to RM10,000," he said in a statement yesterday.

"Traders are urged to comply with the imposed regulations and practice ethical conduct in managing their businesses."

Under the five-day Christmas 2024 Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in Sibu Division, effective until this Dec 27, a total of 14 types of products have been gazetted.

These items are live old chickens, chicken wings, imported bone-in mutton, round cabbages imported from Indonesia and China (excluding Beijing cabbage), tomato, green bell peppers, imported potatoes (from China), red chilies, large imported red onions, large yellow onions, carrots, live pigs (farm only), pork belly, and pork (meat and fat).

On another matter, Kelyn said the consumers themselves should be more aware of their rights and responsibilities.

"Additionally, producers, wholesalers and retailers are reminded against raising the prices sharply after the scheme concludes.

"The success of this scheme depends on all parties acting responsibly and playing their respective roles."

Kelyn also called upon the public to channel any information or complaints on unethical activities of traders to the ministry via the EZ ADU app; the website e-aduan.kpdn.gov.my; and via email to e-aduan@kpdn.gov.my.

Alternatively, call the KPDN Sibu office on 084-335 622, or send a WhatsApp via 019-279 4317.



An KPDN officer carries out inspection on an outlet in Sibu town. — Photo from KPDN Sibu

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# KPDN Kelantan rampas pelbagai barangan seludup, barangan kawalan bernilai lebih RM6.8 juta

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas pelbagai barangan seludup dan barangan kawalan dianggarkan bernilai lebih RM6.8 juta sejak awal Januari hingga kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata daripada jumlah itu, RM5 juta adalah rampasan pelbagai barangan seludup, manakala RM1.98 juta adalah rampasan barangan kawalan di seluruh negeri berkenaan.

Beliau berkata rampasan itu dilakukan menerusi 79,242 pemeriksaan melibatkan pelbagai operasi dan pemantauan yang menghasilkan 1,025 tindakan kes di bawah perundangan KPDN.

"Rampasan itu melibatkan barangan seperti gula, gadum, minyak petrol, minyak masak, dan lain-lain, termasuk kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, gagal meletakkan tanda harga, dan sebagainya, di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

"Daripada jumlah rampasan itu, sebanyak 210 tangkapan melibatkan 189 lelaki, 21 wanita termasuk 197 warganegara dan 13 bukan warganegara dengan denda bernilai RM150,000," katanya kepada pemberita pada Program Walkabout Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024, di sini semalam.

Sementara itu, Azman berkata pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang menahan mana-mana individu menggunakan pangkalan haram untuk menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand yang berkuat kuasa pada 1 Dis lepas berjaya memberi impak positif dalam mengekang aktiviti penyeludupan di negeri berkenaan.

"Berdasarkan pemerhatian saya, kegiatan penyeludupan masih berlaku namun ia tidak sekerap sebelum ini, dan menunjukkan perubahan ke arah lebih positif," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA

TARIKH: 24/12/2024

M/SURAT: 7



RASMI: Allex (kiri) merasmikan Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Krismas 2024 di sebuah pasara raya di Peringgit dekat Melaka, semalam. Turut hadir Norena. — Gambar Bernama

# 12 kes tuntutan libatkan kontraktor rumah babitkan nilai lebih RM200,000

utusanborneo#digipape

MELAKA: Sebanyak 12 kes melibatkan kontraktor rumah direkodkan membabitkan nilai tuntutan berjumlah RM237,794 bagi tempoh 1 Jan hingga semalam berbanding 16 kes dengan nilai tuntutan RM445,367.90 pada tahun lepas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka Norena Jaafar berkata daripada 12 kes tuntutan difailkan menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna (TTPM) itu, sebanyak sembilan kes berjaya diselesaikan, manakala tiga lagi masih dalam proses tuntutan.

"Di bawah TTPM, pelbagai kes kepenggunaan diterima, antaranya berkaitan penipuan mekanik, umrah dan kes tertinggi yang direkodkan pada tahun ini ialah melibatkan kontraktor rumah, antaranya membabitkan kerja-kerja pembinaan atau pembaikan.

"Kes penipuan kontraktor rumah yang berlaku disebabkan kebanyakan pemilik mendapatkan khidmat kontraktor tidak berdaftar, kenal kontraktor menerusi individu lain dan ada yang mengenali kontraktor terlibat di Facebook, selain perjanjian direkodkan antara mangsa dan kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan yang dilakukan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 yang disempurnakan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri Allex Seah Shoo Chin dan turut dihadiri Timbalannya Tuminah Kadi @ Mohd Hashim.

Norena berkata menerusi TTPM, jumlah tuntutan kerugian yang diterima bagi kes membabitkan penipuan kontraktor rumah adalah di bawah RM50,000 dan tuntutan dibuat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Beliau berkata walaupun terdapat penurunan kes tuntutan kerugian melibatkan kontraktor rumah pada tahun ini berbanding tahun lepas, namun orang ramai dinasihatkan berhati-hati memilih kontraktor dan memastikan kontraktor terbabit berlesen serta mempunyai rekod prestasi yang baik.

Sementara itu, beliau menyatakan secara keseluruhan sebanyak 371 kes tuntutan meliputi pelbagai kes difailkan di bawah TTPM dalam tempoh 1 Jan hingga hari ini berbanding 361 kes sepanjang tahun lepas.

Dalam perkembangan lain, Norena berkata 343 kes kepenggunaan direkodkan di bawah pelbagai akta KPDN dengan nilai kompaun sebanyak RM248,300, manakala nilai rampasan ialah RM775,815.15 bagi tempoh 1 Jan hingga 20 Dis lepas.

"Kes tertinggi direkodkan ialah di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu sebanyak 164 kes melibatkan nilai kompaun sebanyak RM53,100, manakala nilai rampasan berjumlah RM2,269.85.

"Kita juga memeriksa 28,808 premis perniagaan dan sebanyak 1,639 aduan diterima pada tahun ini," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# KPDN Perak rekod 13 kes tidak patuh SHMMP sepanjang tahun ini

**IPOH**: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merekodkan 13 kes pelanggaran di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sepanjang tahun ini, menurun dua kes berbanding 2023.

Timbalan Pengarah KPDN Perak, Mohamad Kamarol Mat Nor, berkata kesalahan tertinggi direkodkan semasa pelaksanaan SHMMP Hari Raya Aidilfitri dengan tujuh kes, diikuti SHMMP Tahun Baharu Cina (lima kes) dan SHMMP Deepavali (satu kes).

"Pemeriksaan dilaksanakan secara berterusan di lokasi strategik seperti pasar awam, pasar tani, dan pusat beli-belah di seluruh negeri," katanya dalam sidang media selepas Sesi Tinjauan SHMMP Krismas 2024 di Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya, di sini, semalam.

Beliau turut memaklumkan pihaknya akan melaksanakan pemantauan khusus terhadap sembilan daripada 14 barangan yang disenaraikan di bawah SHMMP Krismas 2024.




**MENINJAU:** Mohamad Kamarol (kanan) melihat barangan yang ditetapkan pada harga siling ketika membuat pemantauan pada hari pertama pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Krismas 2024 di Pasaraya Mydin, Meru, dekat Ipoh, semalam. Turut hadir Pengurus Mydin Kawasan Utara, Kuldipjeet Singh (dua kanan). — Gambar Bernama

"Barangan tersebut termasuk daging kambing biri-biri import bertulang, kubis bulat import, lobak merah, tomato, cili merah, lada benggala hijau, bawang merah besar import, bawang kuning besar, dan ubi kentang import dari China," katanya.

Sebanyak 197 pegawai penguat kuasa dan 74 Pegawai Pemantau Harga (PPH) ditugaskan sepanjang tempoh lima hari SHMMP Krismas 2024, bermula hari ini, bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan harga ditetapkan dengan permintaan terhadap barangan tertentu dijangka meningkat menjelang perayaan ini. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Inisiatif Kita Gempur bantu kekang peniaga tidak patuhi SHMMP Krismas

## Penyertaan orang ramai untuk banteras aktiviti manipulasi amat diperlukan: KPDN

**KUALA LUMPUR: Inisiatif Kita Gempur yang dilancarkan sejak 19 Oktober lepas dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksim Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.**



DIPANTAU: Sayuthi (kiri) melihat barang-barangan yang ditetapkan pada harga siling ketika membuat pemantauan pada hari pertama pelaksanaan SHMMP sempena sambutan Krismas 2024 di sebuah pasar raya di Bangsar di Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

> “Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya.”
>
> **Datuk Seri Sayuthi Bakar**
> *Ketua Setiausaha KPDN*

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Sayuthi Bakar berkata penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

Beliau berkata dengan langkah ini, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai semalam hingga 27 Disember dapat dilaksanakan.

“Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya,” katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Beliau berkata bagi individu yang menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan harga terkawal pula, bagi individu, boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000, katanya.

Pada 20 Disember lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata SHMMP sempena perayaan Krismas melibatkan 14 jenis barangan di seluruh negara.

Beliau berkata barangan yang terlibat adalah barangan keperluan utama semasa Krismas, seperti kambing biri-biri bertulang import, ayam tua hidup (melibatkan Sarawak sahaja), serta daging babi bahagian perut dan daging babi bahagian daging dan lemak. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: SELASA

TARIKH: 24/12/2024

M/SURAT: 13

# KPDN Kelantan rampas pelbagai barangan seludup, barangan kawalan bernilai lebih RM6.8 juta

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas pelbagai barangan seludup dan barangan kawalan dianggarkan bernilai lebih RM6.8 juta sejak awal Januari hingga kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata daripada jumlah itu, RM5 juta adalah rampasan pelbagai barangan seludup, manakala RM1.98 juta adalah rampasan barangan kawalan di seluruh negeri berkenaan.

Beliau berkata rampasan itu dilakukan menerusi 79,242 pemeriksaan melibatkan pelbagai operasi dan pemantauan yang menghasilkan 1,025 tindakan kes di bawah perundangan KPDN.

"Rampasan itu melibatkan barangan seperti gula, gadum, minyak petrol, minyak masak, dan lain-lain, termasuk kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, gagal meletakkan tanda harga, dan sebagainya, di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

"Daripada jumlah rampasan itu, sebanyak 210 tangkapan melibatkan 189 lelaki, 21 wanita termasuk 197 warganegara dan 13 bukan warganegara dengan denda bernilai RM150,000," katanya kepada pemberita pada Program Walkabout Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024, di sini semalam.

Sementara itu, Azman berkata pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang menahan mana-mana individu menggunakan pangkalan haram untuk menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand yang berkuat kuasa pada 1 Dis lepas berjaya memberi impak positif dalam mengekang aktiviti penyeludupan di negeri berkenaan.

"Berdasarkan pemerhatian saya, kegiatan penyeludupan masih berlaku namun ia tidak sekerap sebelum ini, dan menunjukkan perubahan ke arah lebih positif," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1

# KPDN Sarawak gerak 311 pegawai

Oleh Marlinda Mardzuki

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak menggerakkan 214 pegawai penguat kuasa dan 97 pegawai pemantau harga di lokasi strategik seluruh negeri sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Pengarahnya Matthew Dominic Barin berkata, pegawai berkenaan akan memantau keberadaan bekalan dan pematuhan serta pemeriksaan di pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah.

Pemantauan ini katanya, dijalankan bagi mengesan ketidakpatuhan atau menyiasat aduan pengguna supaya mana-mana ketidakpatuhan oleh peniaga boleh diambil tindakan mengikut perundangan yang ditetapkan.

"Kita di KPDN Sarawak akan mempertingkatkan keberadaan anggota-anggota penguat kuasa dan pegawai pemantau harga di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan persekitaran perniagaan dan beli-belah yang selamat dan beretika.

"Dengan adanya amalan perniagaan beretika akan membawa situasi menang-menang antara peniaga dan pengguna," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 di Pasar Raya Besar LePapa di Siniawan Square, Jalan Kuching-Bau semalam.

Majlis pelancaran itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu Miro Simuh.

Menjelas lanjut, Matthew berkata, SHMMP sempena sambutan Krismas 2024 dikuatkuasakan selama lima




**PATUH:** (Dari kiri) Matthew dan Miro ditemani Pengurus Besar Kumpulan Pasar Raya Rantaian LePaPa Bong Teck Pyng ketika melakukan lawatan semasa pelancaran SHMMP Krismas 2024 di Pasar Raya Besar LePapa di Siniawan Square, Jalan Kuching-Bau semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1

## ● Ia sempena pelaksanaan SHMMP Krismas 2024 bermula semalam hingga 27 Disember ini.

hari bermula semalam hingga 27 Disember ini.

Katanya, antara barangan yang diwartakan di bawah SHMMP Krismas termasuk ayam tua hidup khusus untuk Sarawak dan babi hidup di peringkat ladang sahaja.

Selain itu katanya, untuk Sarawak, Sabah, dan Labuan sahaja, SHMMP ini turut merangkumi kepak ayam, daging babi bahagian perut dan daging babi bahagian daging dan lemak.

Barangan kawalan lain di bawah SHMMP yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk daging kambing biri-biri bertulang import, kubis bulat import dari Indonesia dan China (tidak termasuk kubis Beijing), tomato, cili merah, lada benggala hijau, bawang merah besar import, bawang kuning besar, ubi kentang import China dan lobak merah.

"SHMMP Krismas 2024 ini dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Krismas 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

"KPDN sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan SHMMP Krismas 2024," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 3

# Gagal pamer tanda harga merah jambu bagi barangan kawalan kesalahan paling kerap peniaga di Sarawak

KUCHING: Kegagalan mempamerkan tanda harga warna merah jambu bagi barangan kawalan merupakan kesalahan paling kerap dilakukan oleh peniaga di Sarawak.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin berkata, pegawai penguatkuasaan kementerian telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM360,750 bagi 798 kes yang direkodkan dari 1 Januari hingga 20 Disember tahun ini.

"Kes-kes ini dikesan hasil pemeriksaan ke atas 76,853 premis dalam tempoh tersebut yang turut mencatatkan nilai anggaran sitaan melebihi RM22.7 juta.

"Kebanyakan kes melibatkan kegagalan mempamerkan tanda harga warna merah jambu dan pelabelan tidak tepat bagi barangan kawalan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 di Pasar Raya Besar LePapa di Siniawan Square, Jalan Kuching-Bau semalam.

Majlis pelancaran itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu Miro Simuh.

Matthew berkata, individu yang menjual barangan kawalan melebihi harga maksimum boleh dikenakan denda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat yang melakukan kesalahan sama boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," jelasnya.

Sementara untuk kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu pada barangan kawalan, beliau berkata individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000.

"Syarikat yang melakukan kesalahan ini boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan kepada kementerian berhubung salah laku peniaga.

"Aduan boleh disalurkan menerusi aplikasi WhatsApp di 019-848 8000, pusat panggilan (Call Centre) di 1-800-886-800, emel ke e-aduan@kpdn.gov.my, atau melalui aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN," katanya.




**SIDANG MEDIA:** (Dari kiri) Matthew, Miro, dan wakil dari LePapa pada sidang media selepas pelancaran Skim SHMMP Krismas 2024 di Pasar Raya Besar LePapa di Siniawan Square, Jalan Kuching-Bau semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: SELASA

TARIKH: 24/12/2024

M/SURAT: 17

# Kekang peniaga tidak patuhi SHMP Krismas



TURUN PADANG... Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar (kiri) melihat barang-barangan yang ditetapkan pada harga siling ketika membuat pemantauan pada hari pertama pelaksanaan SHMMP sempena sambutan Krismas 2024 di sebuah pasaraya di Bangsar, Kuala Lumpur semalam.• Foto Bernama




JELASKAN... Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar bercakap pada sidang media SHMMP sempena sambutan Krismas 2024 di sebuah pasaraya di Bangsar, Kuala Lumpur semalam. •Foto Bernama

**KUALA LUMPUR:** Kita Gempur yang dilancarkan sejak 19 Oktober lepas dapat mengekang tindakan peniaga yang tidak mematuhi pelaksanaan Skim Harga Maksim Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Krismas ini sekiranya, orang ramai bekerjasama menyalurkan maklumat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)Datuk Seri Sayuthi Bakar berkata penyertaan orang ramai untuk bersama-sama kerajaan dalam membanteras sebarang aktiviti manipulasi dalam perdagangan serta pelanggaran undang-undang adalah amat diperlukan.

Beliau berkata, dengan langkah ini, tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi pelaksanaan SHMMP yang sedang dikuatkuasakan mulai semalam hingga 27 Disember dapat dilaksanakan.

"Peniaga yang gagal mematuhi harga kawalan menerusi SHMMP Krismas boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mereka (peniaga) perlu menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya selepas menghadiri sesi pemantauan dan penguatkuasaan SHMMP di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi individu yang menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan tanda harga merah jambu bagi barangan harga terkawal pula, bagi individu, boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala, untuk syarikat, denda boleh mencecah sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000, katanya.

Pada 20 Disember lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, SHMMP sempena perayaan Krismas melibatkan 14 jenis barangan di seluruh negara.

Beliau berkata, barangan yang terlibat adalah barangan keperluan utama semasa Krismas, seperti kambing biri-biri bertulang import, ayam tua hidup (melibatkan Sarawak sahaja), serta daging khinzir bahagian perut dan daging khinzir bahagian daging dan lemak.-Bernama

Utusan Sarawak

HARI: SELASA

TARIKH: 24/12/2024

M/SURAT: 4

# Tindakan tegas peniaga tidak laksana SHMMP



**PEMERIKSAAN...** Pegawai penguat kuasa KPDN Cawangan Sibu memantau harga barangan kawalan di Sibu, semalam.

**SIBU:** Sebanyak 14 jenis barangan telah ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2024 bagi Bahagian Sibu.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sibu, Kelyn Bolhassan @ Haliward, dalam satu kenyataan berkata, skim ini berkuat kuasa mulai semalam hingga 27 Disember ini dengan tujuan mengawal harga barangan keperluan utama semasa musim perayaan.

"Antara barangan yang tertakluk di bawah SHMMP Krismas 2024 termasuk ayam tua hidup, kepak ayam, daging kambing biri-biri bertulang import, kubis bulat Import (Indonesia dan China, tidak termasuk Beijing) tomato, lada benggala hijau serta ubi kentang import (China).

"Selain itu, cili merah, bawang merah besar import, bawang kuning besar, lobak merah, khinzir hidup (ladang sahaja), daging khinzir (perut), daging khinzir (daging dan lemak)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelyn berkata, bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini," katanya.

Beliau menegaskan, peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

Jelasnya, penalti yang dikenakan adalah kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dengan individu itu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

Dan bagi syarikat pula, tegas beliau, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

"Bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000.

"Manakala bagi syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

"Peniaga hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka," jelasnya.

Di samping itu, Kelyn mengingatkan pengeluar, pemborong dan peruncit tidak menaikan harga secara mendadak selepas berakhirnya pelaksanaan skim ini.

"Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing," ujar beliau.

Jika ada peniaga tidak mematuhi undang-undang berkenaan skim ini, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada kementerian ini melalui aplikasi telefon pintar Ez ADU; laman sesawang: e-aduan.kpdn.gov.my atau e-mel ke alamat e-aduan@kpdn.gov.my; lapor/hadir ke Pejabat KPDN Cawangan Sibu di Tingkat 1, Wisma Persekutuan Blok 3, Sibu.

Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat KPDN Cawangan Sibu di talian 084- 335622

Utusan Sarawak

HARI: SELASA

TARIKH: 24/12/2024

M/SURAT: 4

# Patuh harga kawalan

NOOR IKMAL

BAU: Sebanyak 14 jenis barangan harga terkawal akan diwartakan sempena pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan (SHMMP) Krismas 2024.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Matthew Dominic Barin berkata sebanyak 14 jenis barangan harga terkawal yang akan diwartakan seperti ayam tua hidup, khinzir hidup (peringkat ladang sahaja), daging kambing, kubis bulat import.

Barangan lain yang turut dikawal ialah tomato, lada benggala hijau, ubi kentang, cili merah, bawang merah besar, bawang kuning besar, lobak merah, kepak ayam serta daging khinzir (perut, daging dan lemak).

"Pelaksanaan SHMMP berkuat kuasa bermula hari ini (semalam) hingga 27 Disember ini melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Harga maksinum ini telah ditetapkan untuk SHMMP Krismas 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman sesawang KPDN," katanya pada sidang media sempena lawatan SHMMP Krismas 2024 semalam

Turut sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu, Miro Simuh yang menyertai lawatan di Pasar Raya LePapa, Siniawan bagi meninjau pematuhan pelaksanaan SHMMP sempena Krismas.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KPDN Sarawak telah mengerakkan seramai 214 pegawai penguat kuasa dan 97 pegawai bagi memantau keberadaan bekalan dan pematuhan serta pemeriksaan di pasar awam di lokasi stategik di negeri ini.

"KPDN Sarawak juga akan terus memantau sepanjang masa bagi mengesan ketidakpatuhan atau menyiasat aduan pengguna supaya dapat diambil tindakan yang sewajarnya," tegasnya

Untuk rekod, KPDN telah menjalankan pemeriksaan ke atas 76,853 premis sejak 1 januari 2024 sehingga 20 Disember 2024 yang menghasilkan sebanyak 798 kes dengan nilai kompaun RM 360,750 dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM22,713,690.87.

Justeru, beliau menggesa kepada orang awam untuk memberi kerjasama untuk memaklumkan sebarang aduan melalui talian KPDN Sarawak.




PANTAU... Matthew Dominic Barin bersama Miro Simuh mengadakan lawatan bagi meninjau pematuhan SHMMP sempena Krismas di Pasar Raya LePapa, Siniawan, Baru semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1

# ENFORCEMENT FOR FAIR TRADE

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living in Sarawak carried out 76,853 inspections, revealing 798 violations by December 20. Penalties amounted to RM360,000, with confiscated goods valued at RM22.7 million. The 2024 Christmas Maximum Price Scheme focuses on 14 items until December 27. Director Matthew Dominic Barin cautioned about potential repercussions under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

Story by BY NEVILLE TIMOTHY SANDERS on page 7

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# 14 goods added to festive control list

SIBU: A total of 14 types of goods have been listed under Festive Seasons Maximum Price Scheme (SHMMP) for the Christmas 2024 celebration for Sibu, Kanowit and Selangau districts, effective yesterday till Dec 27.

This was stated by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sibu branch head Kelyn Bolhassan @ Haliward in a statement.

The list of price-controlled items include 'old live' chicken, chicken wings, bone-in imported mutton, imported round cabbages (Indonesia and China, excluding Beijing, tomato, green bengal pepper, imported potato (China), red chilies, imported large red onion, large yellow onion, carrot, live pork (farm only), belly pork as well as meat and fat pork.

"The move is necessary to curb unreasonable price hikes by traders, and strict action will be taken against traders who fail to comply with the regulations under this scheme," he said.

He warned that traders found increasing the prices of these controlled items will be issued notices under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

Traders found guilty may be fined up to RM100,000 or imprisoned not exceeding three years or both or compounded up to RM50,000. Companies found guilty can be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000.

Traders who fail to put up a pink price tag for price-controlled items will also be fined up to RM10,000 or compounded up to RM5,000 for individuals and for companies up to RM20,000 fine or compounded up to RM10,000.



A KDPN enforcement officer inspects price-controlled items at a supermarket.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# Festival price caps scheme begins

**SIBU**: The Festival Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Christmas 2024 was launched in Sibu Division yesterday. It will be effective for five days.

The scheme, as announced by from Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) of Sibu branch head Kelyn Bolhassan, covers essential goods including live 'ayam tua', chicken wings, bone-in imported mutton, tomatoes, green Bengal peppers, imported round cabbage (excluding Beijing cabbage from Indonesia and China), carrots, imported potatoes from China, red chilies, large imported shallots, big yellow onions, live pigs (farm only), pig stomach and pork (meat and fat).

Kelyn said that strict measures would be taken against traders who flouted the rules under the Price Control and Antiprofiteering Act 2011.

"Traders must comply with the imposed instructions and adopt an ethical business approach while consumers should be aware and exercise their rights. This scheme will be successful if all parties are responsible and play their respective roles," he added.

Consumers are urged to report non-compliant traders to the KPDN Sibu Branch Office at 084-335622 or via WhatsApp at 019-2794317.

Complaints can also be submitted through the Ez ADU smartphone application, the website e-aduan.kpdnhep.gov.my, or via email at e-aduan@kpdnhep.gov.my.




KPDN officer inspects goods prices.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 7

# 798 cases, RM360k in penalties



MATTHEW (centre) during the walkabout at Lepapa Supermarket. Also present are Miro (left) and Rimba Central Sdn Bhd general manager Bong Teck Pyng. Photo: Ghazali Bujang

BY NEVILLE TIMOTHY SANDERS
tribunenew2019@gmail.com

BAU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in Sarawak inspections at 76,853 premises statewide as of Dec 20, resulting in 798 recorded cases.

These inspections have led to compounds totalling RM360,000 and confiscations valued at an estimated RM22.7 million.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin reminded traders of the serious consequences of violating the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

Individuals selling controlled items above the maximum price risk fines of up to RM100,000, imprisonment for up to three years, or both, along with a compound of up to RM50,000. For companies, penalties can reach up to RM500,000 in fines or a compound of RM250,000.

"Failure to display pink price tags for controlled items can also result in fines of up to RM10,000 or a compound of RM5,000 for individuals, while companies face fines of up to RM20,000 or compounds of RM10,000," he told a press conference following a walkabout at LePaPa Supermarket.

The event coincided with the implementation of the Maximum Price Scheme for the 2024 Christmas beginning today.

Matthew assured the public of his ministry's commitment to ensure a safe and ethical shopping environment, saying enforcement efforts have been ramped up throughout Sarawak.

"To this end, we have deployed 214 enforcement officers and 97 price monitoring officers to strategic locations, including public markets, farmers' markets, and shopping malls.

"These officers are tasked with monitoring supply availability, ensuring compliance, and addressing consumer complaints," he said.

The officers aim to detect violations and take swift action against non-compliance, he added.

This year's Christmas Maximum Price Scheme includes 14 types of controlled items, gazetted for the period from Dec 23 to 27.

The items include live mature broiler hens (Sarawak only), live pigs (farm level only), imported bone-in mutton, imported round cabbage (excluding Beijing cabbage, from Indonesia and China), tomatoes, green bell peppers, imported potatoes (from China), red chilies, large imported red onions, large yellow onions, carrots, chicken wings, pork belly, and pork (meat and fat).

The ministry is working closely with the Ministry of Agriculture and Food Security to ensure sufficient supplies during the festive season.

He assured that the ministry remains vigilant in enforcing compliance during the festive period stressing that violators will face strict action.

Also present during the walkabout were Serembu assemblyman Miro Simuh and distinguished guests.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 8



SAYUTHI

# Curbing non-compliance of SHMMP by traders

**KUALA LUMPUR**: The "Kita Gempur" initiative launched on Oct 19 can curb non-compliance by traders during the implementation of the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) in conjunction with this Christmas celebration.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) secretary-general Datuk Seri Sayuthi Bakar said its success, however, depends on the public's cooperation in disseminating information.

He emphasised that public participation is crucial in collaborating with the government to combat trade manipulation and ensure compliance with laws and regulations by traders.

He said strict action will be taken against traders who do not comply with the implementation of the SHMMP which took effect yesterday until Dec 27.

Traders who fail to comply with price controls under the Christmas SHMMP can be prosecuted under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, he said, adding that traders are required to display pink labels for goods in the price control list.

Individuals caught selling controlled price items above the maximum price may be fined up to RM100,000, imprisoned for up to three years, or both, or compounded up to RM50,000.

Errant companies can be fined up to RM500,000 or compounded up to RM250,000. Failure to place a pink price tag on controlled price items, individuals can be fined up to RM10,000 or compounded up to RM5,000. – BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 18

# MYDIN與內貿部攜手 推介買國貨運動

大马最大清真批发商与零售商连锁店迈丁（MYDIN）携手国内贸易及生活费部，启动“购买大马国货运动”（Kempen Beli Barangan Malaysia 2024），以“为国货自豪”作为主题，推动本地中小企业的发展与竞争力。

“购买大马国货运动”由国内贸易及生活费部副部长傅芝雅主持启动仪式。在活动期间，MYDIN提供多样化的促销产品和活动，以提高本地产品的销售及增强市场曝光率。

MYDIN董事经理拿督威拉阿米尔阿里迈丁表示，公司优先选择本地产品，用于企业社会责任项目中，例如食品援助箱;同时，迈丁通过“MYDIN关怀”计划，为40名小型企业商家每人提供价值500令吉的现金券，以支持他们的业务发展。

本届嘉年华于12月杪在首邦市迈丁购物中心举行，提供本地商家一个展示和推广其产品的绝佳平台。此外，12月20日举行的创业研讨会邀请了多位成功企业家分享经验，帮助新兴商家提升竞争力，走向成功。此项活动将持续至2024年12月31日。（JM）




傅芝雅（后排左六起）、阿米尔阿里迈丁，以及迈丁高层和经销商代表们，携手推介2024年买国货运动。

www.mydin.my

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1

内貿部聖誕節巡視價格

# 9食材列統制別亂起價




↑所有统制品都需使用粉红色价格标签，让消费者得以辨识统制品。（黄志汉摄）



→在郭健基（左起）的陪同下，莫哈末沙尤迪在连锁超市Village Grocer里检查圣诞节统制品的价格。（黄志汉摄）

（吉隆坡23日讯）国内贸易及生活费部即日起至12月27日展开圣诞节价格统制计划（SHMMP），大马半岛共有9样食材被列入统制名单内，该部提醒商家遵守条规，否则将被对付。

内贸部秘书长拿督斯里莫哈末沙尤迪今早率领执法官员到孟沙的连锁超市Village Grocer巡视圣诞节的统制品价格。

## 实施至27日

莫哈末沙尤迪在新闻发布会上表示，圣诞节价格统制计划即日起开始实施，为期5天至本月27日，即圣诞节前两日至后两日。该计划旨在确保节庆期间的关键商品价格保持稳定，减轻人民的生活成本，也体现昌明政府对民生的关注。

他表示，此次价格统制计划涵盖14类食材，其中大马半岛共有9类，而沙巴及砂拉越则有14类食材。根据今早的检查，他们发现连锁超市Village Grocer已严格遵守规定。

他说，该部将特别关注佳节期间的主要生活必需品，确保这些商品价格稳定且消费者负担得起。

## 吁商家遵守价格统制规定

他呼吁所有商家严格遵守价格统制规定，同时鼓励有能力的商家以低于政府规定的价格销售商品，让消费者以更合理的价格购买到商品，欢庆圣诞节。

他说，内贸部执法人员从今日起，将前往超市、巴刹等主要地点巡视及进行监督，确保全国范围内的商家都能遵守相关规定。

此外，他也鼓励消费者通过已公布的投诉渠道，举报违反规定的商家，以便内贸部可及时采取行动。他表示，今年选定的14种统制商品是该部与供应商及商家协商后决定的，充分考虑了圣诞节期间的基本需求。

出席者包括TFP Retail有限公司首席执行官郭健基。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

今日大城事



■圣诞节临近，消费者纷纷到超市采购。



■圣诞节统制品必须贴上粉红色价格标签，以便消费者识别统制品。

## 14食品列聖誕節統制品

# 執法組展開5天檢查

（吉隆坡23日讯）圣诞节临近，国内贸易及生活成本局即日起至12月27日，展开 “2024年圣诞节顶价计划” 行动，并促请商家遵守条规。

国内贸易及生活成本部秘书长拿督莫哈末沙尤迪指出，即日起至12月27日共展开5天的执法行动，有14种食品被列为佳节统制品，涉及马来西亚半岛的9种受控商品，及在沙巴、砂拉越和纳闽联邦直辖区（Wilayah Labuan）的5种商品。

“对于任何未能遵守规定的商家，将依据2011年价格控制及反暴利法令，采取严厉行动。”

### 違例商家被受對付

他今日率领执法官员们到Bangsar的连锁超市Village Grocer，检查佳节价格统制品后的记者会上，如是指出。

莫哈末沙尤迪说，此次的圣诞节统制品，包括进口带骨羊肉、仅限砂拉越的老母鸡、印尼和中国进口的圆包菜（不包括北京包菜）、胡萝卜和番茄。其他（食材）是红辣椒、青灯笼椒、进口大红葱、大黄葱、中国进口马铃薯、鸡翅、仅农场适用的生猪、猪五花肉，以及猪上肉。

他提到，该局在行动中，发现该超市遵守所有规定，所涉及的统制品价格未超过定价。

“如果可以，希望其他商家也能定较低的价格，以便民众可以在负担得起的范围内，购买食品庆祝圣诞。”

## 商家務必遵守條規

莫哈末沙尤迪指出，执法官员将被派驻至全国各地的策略地点，例如公共市场、农民市集和购物中心，以展开检查和执法行动，因此他呼吁商家遵守条规，并提醒商家在统制品贴上粉红色价格标签，以便消费者识别统制品。

他强调，当局将援引2011年价格控制及反暴利法令，对违规者采取严厉行动，个人将面临法庭罚款最高10万令吉，或监禁不超过3年，或两者并罚，或面临罚单最高5万令吉、公司则将面临法庭罚款最高50万令吉，或面临罚单最高25万令吉。

“未在统制品上标明粉红色价格标签的商家，个人将面临法庭罚款最高1万令吉，或面临罚单最高5000令吉、公司面临法庭罚款最高2万令吉，或罚单最高1万令吉。”

他呼吁消费者在节日期间保持理性消费，并积极配合“反操控与泄密群众运动”（KITA GEMPUR）的执法行动，共同打击不正当行为。

民众可通过WhatsApp 019-848 8000、国内贸易及生活成本部官网http://eaduan.kpdn.gov.my、呼叫中心1-800-886-800、或应用程序Ez ADU KPDN进行投报。



■拿督莫哈末沙尤迪（中）及执法官员在郭健基（右）陪同下，在连锁超市Village Grocer检查圣诞节统制品价格。




## 車泊好好别妨礙他人

泊车礼仪很重要！

许多地区的泊车位都很吃紧，尤其是繁忙的商业区，往往都是一位难求，如果再遇到一些乱泊车的司机，真的会很愤怒。

举个例子，有些司机会将车子同时泊到隔壁或前后的车位，的确有些车款的车身稍大、稍长，但地方政府规划的泊车位一般都可容纳绝大部分车款，1辆车占2个位的行为，就令其他人损失一个车位。

另一种令人讨厌的泊车行为是紧贴隔壁的车辆，自己司机位就留下宽阔的空间，隔壁车的司机位进留下极为狭窄的空间，丝毫不顾虑别人难以上下车，或随时会刮花彼此的车门。

除了以上情况，数次在大城堡商业区看到一些很莫名其妙的现象，就是有些车不想被双重泊车阻挡，宁愿挡住空的车位也不要将车子泊进去，这就导致其他人亦无法使用车位，白白浪费一个车位。

无论如何，希望各位驾驶者别那么自私，将车子好好地泊在车位里，泊好车后下车看一下，确保车轮有没有压线或过界，否则随时会成为被网络公审的“红人”，或者被调侃是““咖啡乌驾照”（Kopi O lesen）”。




■苏海米（右）派发特别礼包给乘客。

## 分享聖誕喜悦

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை
TAMIL MAKKAL OSAI

HARI: SELASA
TARIKH: 24/12/2024
M/SURAT: 1

# பினாங்கில் 2 வாரங்களாக தேங்காய்க்குப் பற்றாக்குறை

ஜார்ஜ்டவுன், டிச. 24-

